

Kertas Bil. 21/2016



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 28 MAC – 1 APRIL DAN 4 APRIL 2016**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
MEKANISME PENENTUAN DAN PENILAIAN KPI DI TAHAP PBT
KERTAS BILANGAN 5/2016**

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "MEKANISME PENENTUAN DAN PENILAIAN KPI DI TAHAP PBT" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
5	Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung "Mekanisme Penentuan Dan Penilaian KPI Di Tahap PBT"	7.1 Jawatankuasa mendapati bahawa lebih daripada 95% pegawai MBPJ mendapat markah KPI (<i>Key Performance Indicator</i>) yang tinggi (>80%). Jawatankuasa merasakan kadar pencapaian tidak mencerminkan tahap kepuasan penduduk-penduduk tempatan Petaling Jaya terhadap hasil kerja MBPJ. Setiap PBT perlulah membuat penilaian semula SKT agar ianya mencerminkan prestasi yang dikehendaki oleh penduduk setempat.			<p>Kerajaan negeri mengambil maklum saranan daripada Jawatankuasa berhubung perkara ini namun PBT-PBT telah melaksanakan dasar atau peraturan berkaitan Pengurusan Prestasi yang telah diseragamkan untuk kakitangan awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di mana antara dasar atau peraturan yang dirujuk adalah :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.P.U.(A) 176 / 2005 : Peraturan-Peraturan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986; 2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 (PP 4/2002) : Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan - Lampiran A; 3.Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2005 : Pemantapan Penilaian Tahap Kecekapan; dan 4. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2009 (SPP 2/2009) : Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam



EAN YONG HIAN WAH
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "MEKANISME PENENTUAN DAN PENILAIAN KPI DI TAHAP PBT" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
		7.2 Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang digunakan untuk menilai KPI setiap pegawai mestilah diluluskan bukan sahaja oleh Datuk Bandar dan YDP tetapi dalam Mesyuarat Penuh Ahli Majlis. Ini adalah untuk, memastikan SKT tersebut selari dengan kehendak penduduk-penduduk tempatan.			<p>Dalam mekanisme ini juga, agensi disyaratkan untuk melaksanakan Kajian Semula SKT dan Pencapaian SKT Setengah Tahun pada setiap tahun bagi memastikan sasaran dan KPI yang ditetapkan adalah relevan dan selari dengan kehendak pengurusan dan pelanggan.</p> <p>Kerajaan Negeri melalui pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme pemantauan SKT dan KPI setiap agensi di bawah kerajaan negeri termasuklah PBT melalui penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) dan juga Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (dengan kerjasama Kementerian) yang memastikan pencapaian jabatan dan bahagian di agensi kerajaan negeri. Proses penilaian ini bukan sahaja mengambil kira pencapaian dalaman agensi tetapi juga memastikan sistem penyampaian perkhidmatan selari dengan kehendak penduduk-penduduk tempatan.</p> <p>Kerajaan Negeri bersetuju agar hasil penilaian SKT dan KPI dibentangkan dan diluluskan Mesyuarat Penuh Ahli Majlis sebelum dilaksanakan.</p>

EAN YONG HIAN WAH
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan



LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "MEKANISME PENENTUAN DAN PENILAIAN KPI DI TAHAP PBT" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC – 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
		<p>7.3 Setelah penilaian SKT dinilai semula, Jawatankuasa menyokong pembayaran bonus kepada kakitangan atau jabatan yang telah mencapai keputusan cermelang. Bonus/ganjaran peruliah dibayar berdasarkan prestasi KPI dan bukan kadar bayaran setara kepada semua kakitangan PBT.</p>			<p>Antara kriteria yang dinilai perlu memastikan SKT dan KPI dapat memuaskan hati pelanggan.</p> <p>Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri Selangor Darul Ehsan ke 9 / 2015 yang disahkan pada 4 Mac 2015 yang telah disahkan oleh Majlis Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 11 pada 18 Mac 2015 telah memutuskan agar sebarang pemberian elaun dan bonus (ganjaran khas) perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976.</p>

EAN YONG HIAN WAH
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan

